

Meningkatkan Rasa Hormat Terhadap Bahasa Melayu Dalam Konteks Singapura Melalui Pembelajaran Bergerak: Satu Kajian Kes

Marini Hassan

Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent
Pusat Bahasa Melayu Singapura
marini_hassan@moe.edu.sg

Abstrak

Pelajar-pelajar Bahasa Melayu Singapura kurang selesa menggunakan bahasa ibunda sungguhpun dalam kelas Bahasa Melayu. Pelajar juga didapati kurang yakin dalam penyampaian idea jika pertuturan mereka dibataskan kepada Bahasa Melayu sahaja. Adakah terdapat kaitan di antara rasa kurang selesa atau kurang yakin mereka terhadap Bahasa Melayu dengan kurangnya rasa hormat terhadap bahasa tersebut? Dengan meningkatkan rasa hormat terhadap Bahasa Melayu, pelajar akan lebih selesa dan yakin menggunakan bahasa tersebut dalam konteks kehidupan seharian di Singapura. Dalam pada itu, pelajar kelihatan lebih selesa dan yakin jika tugas Bahasa Melayu melibatkan penggunaan teknologi maklumat. Ini turut diperhatikan semasa pelajaran dijalankan di luar bilik darjah. Adakah pembelajaran bergerak atau *mobile learning* berupaya meningkatkan keselesaan serta keyakinan pelajar-pelajar menggunakan Bahasa Melayu? Reka bentuk kajian terpilih berbentuk kuantitatif dan kualitatif untuk mengetahui kaitan di antara pembelajaran bergerak dan peningkatan rasa hormat pelajar terhadap Bahasa Melayu. Dapatan kajian pula menunjukkan kaedah yang digunakan berjaya meningkatkan rasa hormat pelajar terhadap Bahasa Melayu dan keyakinan dalam menggunakan bahasa tersebut.

Kata kunci: pembelajaran bergerak; hormat; keyakinan; teknologi maklumat

Keywords: mobile learning; respect; confidence; information technology

Pengenalan

Pembelajaran bergerak atau *mobile learning* merupakan pembelajaran yang berlaku semasa pelajar berada di luar lokasi pelajaran seperti bilik darjah ataupun ketika pelajar mengambil peluang pembelajaran yang ditawarkan oleh teknologi maklumat. Dalam pada itu, pelajaran yang dijalankan kekal mengikut skema kerja terancang namun perubahan pada bentuk pembelajaran membenarkan pelajar menentukan hak atau dalam istilah Bahasa Inggeris, *take ownership*, atas pembelajaran mereka sendiri. Dengan ini, pengajaran dan latihan pembelajaran menjadi lebih bermakna bagi pelajar tersebut. Berdasarkan pengetahuan ini, pembelajaran

International Conference on Language Studies 2014

bergerak dipilih sebagai kaedah pengajaran dalam usaha meningkatkan rasa hormat pelajar terhadap Bahasa Melayu. Jika biasanya ada pelajar yang mungkin mengeluh kerana merasa tertekan akibat kesukaran menyampaikan idea dan pandangan dalam Bahasa Melayu, perubahan bentuk pembelajaran boleh mengurangkan tekanan ini.

Berbekalkan teknologi maklumat seperti komputer tablet iPad dan perisian *ThinkLink*, pelajar berupaya memandu pembelajaran mereka sendiri mengikut keupayaan dan keselesaan mereka tanpa mengorbankan mutu tugas yang dihasilkan. Dengan berubahnya sekitaran pelajaran, pelajar tidak lagi kelihatan janggal berbahasa Melayu sungguhpun kelemahan penguasaan bahasa mereka masih ketara. Apabila pelajar diberikan kebebasan dan hak untuk menentukan proses pembelajaran mereka sendiri melalui konsep yang dikenali sebagai '*empowering the learner*', diharapkan pelajar akan kembali menghormati Bahasa Melayu kerana proses dan hasil pembelajaran kini dapat dikawal mereka dengan lebih baik lagi.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan sesi temu bual guru bersama para pelajar sebelum pembelajaran bergerak dijalankan ke Persisiran Marina, ramai pelajar berbangsa Melayu serta pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu menyatakan bahawa mereka kurang upaya untuk mengaitkan Bahasa Melayu dengan tarikan Singapura yang baharu lagi moden ini. Persisiran Marina merupakan lokasi yang dipilih Jabatan Bahasa Ibunda Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent bagi pembelajaran bergerak pada tahun 2013. Mulanya, para pelajar Bahasa Melayu menjangkakan lawatan ke tempat-tempat tradisional Melayu seperti Kampung Gelam ataupun Geylang Serai. Jangkaan awal ini mencerminkan pemikiran pelajar yang boleh ditafsirkan sebagai lapuk kerana stereotaip terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa yang kurang sesuai digunakan dalam konteks moden.

Sebaliknya, ramai pelajar beranggapan bahawa Bahasa Inggeris lebih sesuai dalam membantu pelajar mengekspresi diri dengan selesa dan yakin jika sekitaran pilihan secanggih Persisiran Marina. Pelajar-pelajar Menengah 1 yang dilibatkan dalam pembelajaran bergerak ini merupakan gabungan pelajar berbangsa Melayu yang secara umumnya kurang yakin berbahasa Melayu dan beberapa pelajar bukan Melayu yang juga kurang selesa menggunakan bahasa kedua mereka. Guru mendapati bahawa ramai pelajar yang menyertai kajian kes ini masih beranggapan bahawa Bahasa Melayu terbatas kegunaannya. Pada masa yang sama, penguasaan Bahasa Melayu pelajar-pelajar juga lemah.

Dalam pada itu, setiap kelas Bahasa Melayu hanya diberi antara sejam hingga sejam sepuluh minit selama dua hingga tiga kali seminggu. Umumnya, pelajar menengah satu tahun ini didapati kurang selesa atau tidak yakin apabila diminta berbahasa Melayu sepenuhnya semasa waktu belajar kerana beberapa faktor seperti ahli keluarga yang lebih menggunakan Bahasa Inggeris di rumah selain kebiasaan bertutur dalam bahasa tersebut di sekolah bersama rakan-rakan yang rata-rata, bukan Melayu. Keterbatasan pemikiran mereka tentang keupayaan Bahasa Melayu dalam menyampaikan idea ataupun berkongsi pendapat semasa kelas Bahasa Melayu dijalankan amat ketara dari segi gerak tubuh, mimik muka dan pengucapan mereka yang lazimnya tersekat-sekat. Oleh demikian, pelajar-pelajar ini merupakan subjek terbaik bagi tujuan kajian ini.

International Conference on Language Studies 2014

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

1. meninjau keberkesanan pembelajaran bergerak dalam meningkatkan keselesaan dan keyakinan pelajar terhadap bahasa Melayu,
2. mengenal pasti hubungan di antara rasa hormat pelajar terhadap Bahasa Melayu dan kesediaan para pelajar menggunakan Bahasa Melayu, dan
3. meneliti keupayaan para pelajar menggunakan Bahasa Melayu dalam memanfaatkan teknologi maklumat.

Kajian Literatur

Beberapa kajian di luar negara yang bertujuan mengukur keberkesanan pembelajaran bergerak atau *mobile learning* telah dijalankan oleh organisasi-organisasi swasta yang turut disokong pemerintah negara-negara terbabit kerana infrastruktur telekomunikasi sejagat dan alat mudah alih membolehkan pengetahuan dan sumber dikongsi dengan mudah lagi cepat. Contohnya MoLeNET atau *mobile learning network* merupakan salah satu inisiatif pemerintah negara Britain yang melibatkan 115 maktab dan 29 sekolah untuk membina jaringan pembelajaran bergerak selain perkongsian maklumat serta projek-projek yang pernah atau sedang dijalankan. Kajian ini menunjukkan dapatan yang positif mengenai respons pelajar terhadap peningkatan pembelajaran mereka.

Peralatan canggih yang dibina membolehkan pembelajaran bergerak dilaksanakan. Namun, peralatan canggih yang dicipta juga memiliki keterbatasannya sendiri yang boleh menjejaskan pembelajaran. Yushin Shih (2007) telah membina model pembelajaran bergerak yang bertujuan untuk memperbaiki hasil pembelajaran. Model yang dihasilkan oleh Shih boleh diadaptasi bagi pembelajaran di peringkat universiti atau bagi pelajar yang buta. Namun model ini belum lagi dicuba bagi para pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah.

McConatha, Douglas, Praul, Matt. Lynch, Michael J. (2008), menjelaskan bahawa pembelajaran bergerak merupakan alat bagi pengajaran yang boleh membantu guru dan pelajar dalam suasana pengajaran dan pembelajaran moden serta dunia yang pesat berkembang.

Kejayaan pembelajaran bergerak menurut Kukulska-Hulme, Agnes. (2007) bergantung kepada faktor manusia dan teknologi. Kedua-dua faktor ini menentukan sama ada pelajar beranggapan bahawa pembelajaran bergerak bernilai ataupun tidak. Sekiranya terdapat kekurangan pada salah satu faktor tersebut boleh menimbulkan kesan negatif terhadap pembelajaran pelajar.

Traxler (2007) pula menyatakan bahawa pelaksanaan dan penggunaan pembelajaran bergerak pesat berkembang tetapi komponen teori dan konsep yang menyokong penggunaannya masih jauh ketinggalan termasuklah dari segi penilaian. Penyokong penggunaan pembelajaran bergerak telah berusaha untuk mengkonsepkan perkara tersebut menggunakan beberapa konteks termasuklah dari sudut teknologi dan pengalaman pembelajaran. Fitur atau ciri pembelajaran bergerak yang membolehkan penggunaannya merasakan pengalaman peribadi

International Conference on Language Studies 2014

dan penggunaannya yang mudah menyebabkan sukar untuk mentakrifkan apa itu sebenarnya pembelajaran bergerak. Percubaan untuk menilai dan mengkategorikan pembelajaran bergerak boleh menjejaskan fitur atau ciri yang membezakan pembelajaran bergerak dengan pembelajaran secara tradisional.

Dalam pada itu, penyelidikan yang cuba mengait pembelajaran bergerak dengan sikap pengguna bahasa belum lagi ditemukan kecuali sebuah tesis karya seorang mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia, Jeyavany A/P Eswaran (2008), yang hampir mirip kerana kajian ini mendapati bahawa penggunaan teknologi maklumat berjaya menjana sikap positif pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris.

Oleh kerana kajian-kajian lepas lebih menjurus ke arah aspek-aspek tertentu, dalam kajian kes ini penyelidikan yang dijalankan mungkin boleh menghasilkan dapatan yang baharu.

Kaedah Kajian

Kajian kes ini dijalankan melalui kaedah soal-selidik yang dilaksanakan sebelum pembelajaran bergerak dijalankan. Dalam sesi tersebut, pelajar-pelajar ditanyakan beberapa soalan terbuka secara bertulis untuk mengundang respons mereka berkenaan perkara-perkara seperti objektif lawatan dan jangkaan pelajar. Ianya dijalankan semasa latihan pralawatan dalam kelas Bahasa Melayu. Pemerhatian pula dilakukan sewaktu pembelajaran bergerak dijalankan selama tiga jam di Persisiran Marina. Guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent telah memerhatikan kumpulan-kumpulan tertentu sepanjang tempoh lawatan dengan tumpuan diberi kepada interaksi antara pelajar dalam menyelesaikan lembaran kerja, penggunaan teknologi maklumat untuk mencari jawapan serta bahasa yang digunakan semasa perbincangan. Sesi temu bual pula dijalankan bersama tiga orang pelajar yang dipilih secara rambang dari setiap aliran iaitu ekspres, normal akademik dan normal teknikal untuk mengetahui sama ada objektif lawatan serta jangkaan mereka dipenuhi.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 40 pelajar menengah satu kohort 2013. Mereka dibahagikan kepada kursus Bahasa Melayu Lanjutan, Bahasa Melayu Ekspres, Bahasa Melayu Normal Akademik dan Bahasa Melayu Normal Teknikal. Seramai 3 pelajar mengikuti kursus Bahasa Melayu Lanjutan, 14 Bahasa Melayu Ekspres, 13 Bahasa Melayu Normal Akademik dan 10 Bahasa Melayu Normal Teknikal. 8 di antara mereka merupakan pelajar bukan Melayu.

Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan ialah senarai soal selidik untuk mengukur respons pelajar sebelum pembelajaran bergerak dimulakan. Bagi merakam pemerhatian guru Bahasa Melayu yang mengiringi para pelajar semasa berlangsungnya proses tersebut, borang pemeriksaan turut disediakan. Sesi temu bual secara berkumpulan juga diadakan untuk mendapatkan laporan balik langsung pelajar berkenaan lawatan yang telah mereka sertai.

Prosedur Kajian

Prosedur kajian dijalankan dalam tiga tahap.

International Conference on Language Studies 2014

- (1) Pralawatan: Soal-selidik
- (2) Lawatan: Pemerhatian guru
- (3) Pascalawatan: Temu bual

Semua pelajar disoal selidik secara bertulis sekurang-kurangnya seminggu sebelum lawatan ke Persisiran Marina supaya guru-guru boleh membuat penyesuaian yang wajar bagi menangani jangkaan pelajar yang telahpun dikongsi. Kemudian pemerhatian guru ke atas kumpulan tertentu dijalankan semasa pembelajaran bergerak berlangsung untuk membandingkan tahap penyelesaian serta keyakinan pelajar dalam berinteraksi dan melengkapkan tugas yang diberi berbanding dengan pengalaman mengajar pelajar-pelajar yang sama di kelas. Hal yang sama turut dilakukan untuk mengetahui keberkesanan teknologi maklumat dalam membantu pelajar menyelesaikan tugas yang diberi. Langkah terakhir dalam pelaksanaan kajian ini ialah sesi temu bual yang diatur beberapa hari selepas tamatnya lawatan. Tiga pelajar dari setiap aliran dipilih secara rambang memandangkan rata-rata semua pelajar Bahasa Melayu Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent mempunyai profil yang hampir serupa. Mereka kemudian dijemput untuk berkongsi pandangan secara lisan dalam Bahasa Melayu. Situasi ini sekali lagi menimbulkan rasa kurang selesa selain menjejaskan keyakinan mereka dalam berkongsi pendapat kerana mereka sedar bahawa guru sedang memerhatikan tutur kata serta ekspresi mereka.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Sebelum pembelajaran bergerak dijalankan di Persisiran Marina, beberapa keraguan pelajar diketengahkan atas sebab konflik pemilihan lokasi dan pendapat pelajar. Tinjauan pralawatan menunjukkan bahawa hampir 80% pelajar berpendapat bahawa tempat yang dipilih bukanlah lokasi yang dijangkakan bagi pembelajaran Bahasa Melayu.

Dalam pada itu, pelajar dibenarkan membentuk kumpulan sendiri dengan tiga anggota lain sebelum diberikan lembaran kerja dan komputer tablet iPad. Konsep memperkasa pelajar atau *student empowerment* serta hubungan mesra antara ahli kumpulan secara tidak langsung meringankan tugas yang telah diberikan walaupun ianya perlu disiapkan dalam Bahasa Melayu dalam jangka waktu yang terbatas.

Penggunaan iPad dan aplikasi *ThinkLink* bagi aktiviti susulan pembelajaran bergerak ini selain kemudahan internet telah membantu menyemarakkan suasana pembelajaran di Persisiran Marina. Berdasarkan pemantauan guru, pelajar kelihatan selesa menggunakan teknologi maklumat seperti memetik gambar dengan kamera digital yang termuat dalam iPad. Berdasarkan arahan yang diberikan dalam lembaran kerja, soalan-soalan yang diajukan dapat dijawab setelah pelajar melakukan penyelidikan secara dalam talian atau *online* selain perbincangan yang dibenarkan bersama ahli kumpulan. Melalui pemerhatian guru, jelas menunjukkan bahawa pelajar selesa menggunakan teknologi maklumat ataupun ICT dalam pembelajaran yang diikuti.

Sungguhpun lawatan berpandu di sekitar Persisiran Marina dijalankan oleh seorang pemandu pelawat dalam Bahasa Inggeris, guru-guru mendapati bahawa kemudahan kamus elektronik yang terdapat dalam *iPad* yang digunakan oleh pelajar-pelajar turut memudahkan proses pembelajaran. Buktinya bantuan guru untuk menterjemah perkataan daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu tidak lagi diperlukan sepertimana keadaan di dalam bilik darjah.

International Conference on Language Studies 2014

Dengan ini, pelajar-pelajar berpeluang meneroka tempat-tempat lain di sekitar Persisiran Marina tanpa terikat dengan jarak mereka dengan pemandu pelawat mahupun guru. 100% pelajar yang ditinjau bersetuju bahawa kemudahan *iPad* dan internet yang disediakan amat menyenangkan tugas mereka. Tujuan kajian iaitu meninjau keberkesanan pembelajaran bergerak dalam meningkatkan keselesaan dan keyakinan pelajar terhadap bahasa Melayu dengan disokong teknologi maklumat telahpun tercapai. Dari pemerhatian guru juga, pelajar kelihatan lebih bersedia menggunakan Bahasa Melayu dalam melengkapkan tugas tanpa meminta bantuan guru seperti sebelumnya. Ia membayangkan rasa hormat yang seakan meningkat kerana Bahasa Melayu dapat didengar dalam ruang tertutup pameran di mana pelajar-pelajar berkumpul. Ini berbeza dengan keadaan dalam bilik darjah yang memerlukan guru mendekati kumpulan pelajar sebelum lidah mereka boleh 'bertukar'.

Oleh kerana ramai pelajar sudah terbiasa menggunakan komputer tablet seperti *iPad*, pembelajaran bergerak yang dijalankan selama tiga jam ini berlangsung dengan pelajar kelihatan begitu selesa berinteraksi dan melengkapkan lembaran kerja. Situasi mungkin berbeza jika kelas Bahasa Melayu dijalankan di sekolah, lebih-lebih lagi jika masa belajar digandakan selama itu.

Pelajar yang ditugaskan memegang *iPad* pula kelihatan lebih yakin memimpin kumpulan masing-masing sungguhpun tidak semua dipilih berdasarkan penguasaan bahasa mereka. Keyakinan pelajar yang diketahui kurang selesa berbahasa Melayu ini agak ketara kerana teknologi maklumat seakan memperkasa mereka. Kumpulan pelajar-pelajar dari aliran Normal Teknikal contohnya menampakkan keyakinan yang setanding rakan mereka dari aliran yang lebih mencabar. Pelajar-pelajar bukan Melayu pula kelihatan lebih selesa berbanding keadaan mereka yang lebih pasif jika sesi perbincangan dikembalikan ke bilik darjah. Guru yang memang lebih memerhatikan kumpulan pelajar-pelajar ini mendapati bahawa mereka lebih selesa dalam pembelajaran Bahasa Melayu sepanjang lawatan ini.

100% pelajar bersetuju dengan keberkesanan pembelajaran bergerak dalam merangsang pelajar menggunakan Bahasa Melayu bagi tujuan komunikasi. Lembaran kerja yang juga mengandungi soalan-soalan subjektif berjaya dijawab pelajar manakala hampir kesemua jawapan didapati tepat. Kadar ini agak tinggi jika dibandingkan dengan latihan yang biasanya diberikan kepada pelajar di dalam kelas di mana teknologi maklumat tidak digunakan kecuali pelajaran yang dijalankan di makmal komputer.

Para pelajar turut berkongsi pengalaman mereka menyertai lawatan ke Persisiran Marina dalam kegiatan pembelajaran bergerak ini. Berikut adalah respons utama mereka:

1. Saya rasa seronok belajar Bahasa Melayu di luar darjah. Saya harap lebih banyak lawatan akan diadakan di masa hadapan.
2. Jika kita boleh gunakan *iPad* semasa kelas, saya rasa pelajaran akan lebih menyeronokan.

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kajian ini berkesan dalam membuktikan yang para pelajar lebih selesa dan yakin menjalankan tugas Bahasa Melayu jika kelas dijalankan di luar bilik darjah. Sokongan teknologi maklumat pula memperkasa pelajar yang kelihatan lebih yakin menggunakan Bahasa Melayu. Perubahan sikap para pelajar yang ketara lebih positif membayangkan peningkatan rasa hormat mereka terhadap Bahasa Melayu. Dengan lembaran kerja diselesaikan tanpa bantuan guru, ia bermakna perbincangan berjaya dijalankan dengan

International Conference on Language Studies 2014

pemilihan kosa kata yang lebih berhati-hati. Penggunaan Bahasa Melayu semasa sesi perbincangan juga lebih kerap didengar sementara pelajar kelihatan lebih bertanggungjawab terhadap tugas yang diberi kerana semua lembaran kerja dapat diselesaikan dan dipungut tanpa masalah sebelum pelajar meninggalkan Persisiran Marina. Bagi guru Bahasa Melayu, inilah tanda-tanda hormat yang dijangkakan daripada pelajar.

Kesimpulan

Melalui satu sesi pembelajaran bergerak sahaja, rasa hormat pelajar Bahasa Melayu terhadap mata pelajaran ini dapat dirasakan guru yang sentiasa memerhatikan mereka malah keyakinan dan keselesaan yang ditunjukkan dalam menggunakan Bahasa Melayu juga ketara. Bagi penutur jati bahasa ini, mereka menampakkan keyakinan yang lebih menonjol lebih-lebih lagi kerana mereka disokong teknologi maklumat. Lembaran kerja yang dibawa sama untuk pembelajaran bergerak juga berjaya dilaksanakan tanpa bantuan guru. Tugas pascalawatan di mana aplikasi *ThinkLink* perlu digunakan sebelum ianya dihantar melalui laman pembelajaran sosial *Edmodo* untuk pemeriksaan guru merupakan lanjutan daripada pembelajaran bergerak ini. Jika pembelajaran sebegini boleh dirancang dan dijalankan dengan lebih kerap lagi, besar kemungkinan Bahasa Melayu lebih selesa digunakan oleh para pelajar Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent dengan kesannya dilihat semasa pelajaran 'dikembalikan' ke bilik darjah. Keyakinan pelajar-pelajar Melayu juga jelas bertambah kerana guru memberikan lapor balik positif bagi tugas yang disiapkan dan dihantar menggunakan teknologi maklumat. Sememangnya rasa hormat pelajar terhadap Bahasa Melayu boleh dikekalkan dalam konteks Singapura yang moden dan kosmopolitan jika pembelajaran Bahasa Melayu diubah situasi dan perlaksanaannya dari masa ke semasa.

Rujukan

- Jeyavany A/P Eswaran (2008). *Investigating the ESL Teachers' and Students' Attitude Towards the Use of Computer in English Language Classroom*. Universiti Teknologi Malaysia: Disertasi Sarjana Sains dan Pendidikan.
- Kukulska-Hulme, Agnes. (2007). Mobile usability in educational contexts: What have we learnt? *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 8(2). P.1-16.
- McConatha, Douglas. Praul, Matt. Lynch, Michael J. (2008). Mobile learning in higher education: An empirical assessment of a new educational tool. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 7(3).
- Shih, Y.E. & Mills, D. (2007). Setting the new standard with mobile computing in online learning. *The International Review of Research in Open and Distance Learning*, 8 (2).
- Traxler, J. (2007). Defining, discussing, and evaluating mobile learning: The moving finger writes and Having written... *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 8(2).

International Conference on Language Studies 2014

Sumber Elektronik

Mobile Learning Network dipetik dari <http://www.molenet.org.uk>

Tribal Case Studies dipetik dari <http://m-learning.org>

Use of ICT To Innovate Students dipetik dari <http://cc.mlearnopedia.com>